

16 JUL 1997

USM-Anugerah

MARINA MAHATHIR AKAN TERIMA IJAZAH KEHORMAT

PULAU PINANG, 16 Julai (Bernama) -- Presiden Majlis AIDS Malaysia, Marina Mahathir adalah antara tiga tokoh yang akan dianugerahi ijazah kehormat Universiti Sains Malaysia (USM) kerana khidmat bakti mereka kepada masyarakat.

Marina, 40, yang juga aktif dalam Dana Sedunia Untuk Alam Semula Jadi Malaysia (WWF), Majlis Warisan Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah, akan menerima ijazah kehormat Sarjana Sastera (Hon. M.A).

Dua tokoh lain ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, 47, yang dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang (Hon. LLD) dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Aziz Zain, 75, yang dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Sains (Hon. D.Sc).

Naib Canselor USM Prof Datuk Ishak Tambi Kechik yang mengumumkan demikian hari ini berkata usaha Marina yang tidak mengenal penat lelah dalam pertubuhan bukan kerajaan, khususnya bagi menyedarkan masyarakat agar tidak mempunyai prasangka buruk terhadap pesakit AIDS adalah antara faktor beliau dipilih untuk menerima anugerah berkenaan.

"Penulisan beliau yang tajam dan kepakarannya dalam bidang Perhubungan Antarabangsa membolehkan beliau membentuk pemikiran masyarakat yang lebih positif kepada pesakit-pesakit AIDS," katanya.

Ishak berkata, USM juga bersetuju menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada Koh sebagai menghargai dan mengiktiraf usaha yang dilakukannya dalam membangunkan Pulau Pinang.

Koh, yang merupakan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan universiti itu antara 1975 dan 1978, sebelum ini juga pernah menerima beberapa anugerah lain termasuk Zamalah Fullbright untuk menjalankan penyelidikan di Universiti Stanford, Amerika Syarikat antara 1980 dan 1981.

Mengenai Aziz, Ishak berkata, anak kelahiran Kepala Batas, Pulau Pinang itu masih aktif dalam kegiatan kemasyarakatan dan keusahawanan khususnya yang membabitkan universiti dan industri.

Katanya, Aziz telah menggunakan pakar-pakar tempatan untuk membuat kajian dan dalam mengkomersilkan produk haluan yang dihasilkan dari sisa buangan industri kelapa sawit.

Anugerah-anugerah itu akan disampaikan oleh Raja Perlis selaku Canselor USM pada majlis konvokesyen ke-26 universiti berkenaan pada 2 dan 3 Ogos.

Ishak juga menyatakan bahawa 3,272 graduan akan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen itu yang terbahagi kepada empat sidang.

Dalam pada itu Presiden baru Persatuan Alumni USM Puan Sri Fauziah Shahrom berkata jawatankuasa baru alumni itu sedang berusaha untuk mendapatkan seramai mungkin lepasan USM untuk menjadi anggotanya.

Ia bertujuan menggembleng tenaga bagi menyuburkan budaya ilmu dan pembangunan universiti berkenaan, katanya.

Walaupun USM telah mengeluarkan seramai 32,000 siswazah sejak 26 tahun penubuhannya, hanya 7,000 yang menyertai persatuan itu.

Fauziah berkata, mereka yang menyertai persatuan itu boleh menikmati beberapa kemudahan yang sedang diusahakan. -- BERNAMA

RA NMO